

21/05/2000

Melayu diperalat dan dilaga sama sendiri

Iskandar Astar

ISU yang dihadapi bangsa Melayu hari ini, dan yang besar impaknya kepada kestabilan politik dan kesejahteraan negara, termasuk masa depan bangsa Melayu sendiri, ialah keretakan perpaduan Melayu akibat kelemahan Umno dan keghairahan Pas untuk memerintah negara ini.

Ramai berkata isu perpaduan ini penting, tetapi ironinya ialah sehingga hari ini belum nampak ada usaha, kegiatan atau aktiviti yang dirancang, digubal dan dilaksanakan yang menuju ke arah pemupukan perpaduan ini.

Sebaliknya, ada pula segelintir orang Melayu yang begitu ghairah berkata sesuatu, menulis sesuatu dan melakukan sesuatu yang menolong meluaskan lagi keretakan itu.

Akhirnya yang memenuhi dada akhbar, media elektronik dan perbincangan tidak formal di warung, coffee house dan lounge adalah padat dengan isu yang menggambarkan kelemahan dan perpecahan Umno.

Di mana-mana ceritanya sama saja: orang Melayu meninggalkan Umno; Umno hanya mendapat 70 peratus undi Melayu; maruah dan kewibawaan Umno hancur; orang Melayu dan Umno sudah menolak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepemimpinan Umno perlu diubah jika Umno hendak terus hidup; dan berbagai-bagai lagi.

Menjelang perhimpunan agung Umno, semakin rancak lagi kata-kata, ayat-ayat, dan pelbagai ungkapan yang membawa erti Umno sedang bergolak, Umno sudah pecah, Umno sudah kehilangan pengaruh, orang Melayu sudah hilang keyakinan pada Umno, orang Melayu sudah jelak dengan Umno dan kepemimpinannya, Umno akan hancur jika Dr Mahathir terus menjadi Presiden, hanya Ku Li yang mampu menyelamatkan Umno, dan berbagai-bagai lagi.

Lalu terbitlah buku dan majalah yang terus terang menghentam kepemimpinan Umno, mencerca Dr Mahathir, memperlekeh Pak Lah, menghina Najib dan mengacah banyak lagi pemimpin Umno di pelbagai peringkat.

Lagi malang ialah apabila orang Melayu, termasuk sesetengah ahli Umno sendiri, menggunakan proses pemilihan Majlis Tertinggi Umno sebagai gelanggang untuk memburuk-burukkan pemimpin Umno yang akan bertanding.

Yang peliknya, yang terselamat dari kecaman dan kritikan, malah yang dipandang tinggi oleh penganalisis politik sama ada dari dalam atau luar negara termasuk pecacai dan broker politik tempatan, adalah pemimpin Umno yang has been, yang sudah berlalu, yang pada hari ini sudah tidak ada tempat yang istimewa sama ada dalam parti atau kerajaan.

Mereka ini, entah dari sudut mana penganalisaan dibuat, dianggap begitu bijaksana dan berpengaruh.

Bilakah Melayu akan sedar daripada permainan politik yang merugikan bangsa ini? Bilakah Melayu akan sedar betapa orang Melayu sendiri sekarang sedang diperalatkan oleh tangan hitam dari dalam dan luar negara yang mahukan perpecahan berlaku dalam masyarakat Melayu?

Bila lagikah Melayu akan sedar Melayu hari ini sedang dilaga-lagakan sesama sendiri, agar kita bermusuhan sesama sendiri, agar kita membenci pemimpin kita sendiri, agar kita terus memburuk-burukkan pemimpin kita sendiri? Bila lagikah Melayu akan sedar?

Mungkin kita terus tidak akan sedar sebab ada antara kita orang Melayu yang berlagak seperti hero penyelamat bangsa, penyelamat Umno dan penyelamat agama atas prinsip demokrasi dan kematangan Umno berpolitik.

Sedang mereka sebenarnya punca yang menyebabkan huru hara yang tidak sepatutnya berlaku dalam masyarakat Melayu hari ini.

Malah, ada orang tertentu dalam Umno, yang makan pakainya hasil

kemantapan dan/atau keporakperandaan Umno, yang sengaja membesar-besar dan mempersoalkan nasihat Majlis Tertinggi Umno untuk tidak mengadakan pertandingan bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

Mereka membuat kenyataan, melalui penulisan buku dan 'ceramah' tidak rasmi di perhimpunan tidak formal, dengan begitu lantang dan konklusif sekali nasihat berkenaan dikeluarkan atas arahan Dr Mahathir sendiri sebab Dr Mahathir mahu terus berkuasa.

Lalu mereka terus menambah dan berhujah Pak Lah jangan ditandingi kerana hanya Pak Lah yang boleh dipercayai untuk menutup semua dosa Dr Mahathir, sebab Dr Mahathir tahu pada pilihan raya 2004 nanti Umno pasti kalah.

Siapalah mereka ini yang begitu lancang dengan fitnahnya seolah-olah Dr Mahathir sendiri yang memberitahu mereka sedemikian? Masukkah dalam fikiran Dr Mahathir yang menjadi Presiden Umno untuk sekian lama, yang lebih Umnonya dari kebanyakan ahli Umno yang lain, mahu melihat Umno hancur semata-mata kerana hendak mengekalkan kuasanya?

Masukkah ke dalam fikiran yang waras Dr Mahathir tidak peduli apa akan jadi kepada Umno dan keamanan negara semata-mata kerana hendak terus menjadi Perdana Menteri? Sedangkan beliau begitu pasti yang kesejahteraan dan keamanan negara bergantung kepada kekuatan dan kemantapan Umno?

Logikkah Dr Mahathir sanggup menghancurkan segala kemakmuran, kestabilan dan keamanan yang dibinanya 18 tahun, termasuk 'berperang' dengan Soros, IMF dan Barat, semata-mata kerana hendak terus memerintah dan menjadi Perdana Menteri?

Kadang-kadang kita sungguh hairan, ada manusia Melayu yang menganggap dirinya berpelajaran tinggi, berpengalaman luas dan berfikiran tajam, sebenarnya tidak mampu melewati batasan pemikiran spontan.

Lagi malang mereka yang seumpamanya juga tidak mampu melihat the big picture, sebaliknya mengamalkan daya pemikiran si buta dengan gajah, dan berani pula berlagak sebagai penyelamat bangsa sedangkan yang sebenarnya merekalah penjerumus dan perosak bangsa.

Mereka menjadi perosak bangsa oleh kerana tulisan, ucapan dan kata-kata mereka mengundang dan menggalakkan perpecahan dalam Umno dan orang Melayu.

Mereka menjadi punca dan pemangkin perpecahan bangsa Melayu kerana tulisan, ucapan dan kata-kata mereka yang memburukkan (undermine) hampir semua pemimpin Umno yang ada sekarang dan memuji-muji pemimpin yang sudahpun berlalu zamannya.

Mereka menjadi perosak bangsa kerana melalui tulisan, ucapan dan kata-kata mereka menjerumuskan fikiran dan persepsi orang Melayu Umno sudah pecah, sudah hancur dan sudah ditolak oleh masyarakat Melayu sedangkan mereka tahu yang Umno-lah satu-satunya wadah perjuangan bangsa Melayu yang sewajarnya dipertahankan walau sampai ke titisan darah terakhir.

Sampai bilakah Melayu akan sedar Umno yang lemah akibat dari serangan mereka terhadap kepemimpinan Umno akan melenyapkan ketuanan Melayu dan Islam di negara bertuah ini?

Mengapakah mereka begitu berat sekali untuk menerima penjelasan pertandingan pucuk pimpinan Umno pasti membawa perpecahan dan sengketa yang berlanjutan di kalangan masyarakat Melayu? Sedangkan kepemimpinan MT yang mengeluarkan nasihat itu adalah orang yang sama yang berjuang dan menyumbang ke arah pendaulatan bangsa dan agama.

Mengapa mereka begitu taksud dengan demokrasi sehingga sanggup menyatakan yang demokrasi dalam Umno sudah mati, sudah lama berkubur. Adakah mereka begitu yakin sekiranya Umno mengamalkan demokrasi 100 peratus kemajuan dan peningkatan bangsa Melayu di negara ini akan lebih terjamin dan menjadi lebih baik dari apa yang dicapai pada hari ini?

Demokrasi memang satu sistem yang baik dengan syarat-syarat tertentu. Tetapi, kalau salah bawa boleh menghancurkan bangsa itu sendiri.

Contohnya, melalui proses demokrasi pada 29 November yang lalu, bangsa

Melayu dikendurikan oleh sistem demokrasi di mana sebahagian besar orang Melayu kekal dalam Umno, sebahagiannya memeluk Pas, sebahagian lagi menganut Keadilan dan segelintir pula melukut dalam DAP dan PRM. Adakah perpecahan bangsa Melayu akibat dari proses demokrasi ini baik pada ketuanan Melayu, hak-hak istimewa orang Melayu dan agama Islam sendiri?

Apa yang berlaku selepas itu, termasuk nasihat untuk tidak mempertandingkan jawatan presiden dan timbalan presiden dalam pemilihan MT pada 11 Mei lalu untuk memastikan gelombang perpecahan masyarakat Melayu yang dipelopori oleh Pas dan Keadilan itu dapat dibendung dari terus merebak, agar perpecahan itu tidak menular pula ke dalam Umno.

Bilakah Melayu akan sedar bahawa ramai, termasuk warganegara dan bukan warganegara, yang tidak senang melihat begitu banyak kemudahan dan keistimewaan yang pada hari ini dinikmati oleh orang Melayu?

Bilakah Melayu akan sedar pada setiap saat dan ketika, pelbagai usaha untuk melemah dan menghancurkan bangsa Melayu dan agama Islam sedang dijalankan dengan pelbagai cara?

Cuba lihat di sekelilingmu, bangsa manakah yang terbanyak terbabit dengan penyalahgunaan dadah? Melayu. Bangsa manakah yang terbanyak melepak dan tidak tentu tujuan? Melayu. Bangsa manakah yang masih jauh tertinggal di belakang dalam bidang pendidikan? Melayu. Bangsa manakah yang terbanyak menghidap Aids dan HIV positif? Melayu.

Tidak malukah kita betapa bangsa Melayu, tanpa gesaan dan paksaan dari sesiapa, menjadi begitu sombong dan bongkak semata-mata kerana celik-celik mata menikmati kehidupan yang jauh lebih baik dari 30 tahun dahulu sehingga terlupa tentang asal usul mereka dan dari mana datangnya nikmat berkenaan?

Apakah bangsaku ini sudah berpuas hati dengan apa yang dikecapi pada hari ini lalu menolak tangga yang menaikannya?

Dalam senario masyarakat Melayu yang sedang menghadapi konflik kejutan budaya yang dibawa oleh kemewahan hasil DEB dan keghairahan untuk masuk syurga, mengapa harus ada antara kita yang tambah membingungkan mereka dengan melemahkan Umno, wadah yang memperjuangkan kepentingan Melayu sebagai satu bangsa? Atas nama demokrasi! Tidakkah singkat fikiran ini.

Sepatutnya kita menjahit yang carik, menampung yang bocor, menutup yang terdedah, mengeraskan yang lembik, menguatkan yang lemah, menajamkan yang lembap, memandaikan yang dungu.

Sepatutnya kita mempertahankan kepemimpinan yang ada. Membela Dr Mahathir yang sudah begitu banyak berjasa kepada bangsa Melayu. Begitu banyak negara ketiga yang mahukan mutu kepemimpinan yang dimiliki oleh beliau. Begitu banyak negara maju yang terpegun dengan ketajaman dan keberkesanan kepemimpinan beliau. Begitu banyak antara mereka yang tertunggu-tunggu dan mencari peluang untuk mendengar setiap ucapan bernas daripada beliau.

Tetapi kita di sini, di Malaysia, terutama sekali orang Melayu sendiri begitu ghairah mahukan Dr Mahathir berundur dan meletakkan jawatan dari memimpin Umno, bangsa Melayu dan negara ini.

Kononnya dengan pengunduran ini orang Melayu akan bersatu kembali; kononnya Umno akan kembali mantap dan kuat; kononnya bangsa Melayu akan meningkat lagi taraf daulat dan martabatnya, dan negara akan menjadi lebih aman dan makmur.

Adakah jauhari sudah tidak kenal manikam? Adakah kita mencurahkan air di tempayan sebaik saja mendengar guruh di langit? Adakah kita mahu mengejar yang tidak pasti dapat sedangkan akibatnya yang dikendong berciciran?

Sedarlah, apabila kita kehilangan P Ramlee, sampai sekarang belum ada penggantinya. Apabila bangsa Melayu Nusantara kehilangan Hamka, sampai kini belum lagi ada pengganti sekuatnya.

Apabila tiba masanya Dr Mahathir meninggalkan kita nanti, mungkinkah

kita mendapat penggantinya dengan segera? Atau kita terpaksa menunggu selama 100 tahun baru muncul pemimpin Melayu yang sehebat beliau?

Melayu hendaklah segera sedar ramai kelompok dan golongan asing, di dalam dan di luar negara, yang mahu kita musnah.

Melayu hendaklah sedar dengan adanya Dr Mahathir menjadi pemimpin kita mereka telah tidak berjaya `menakluki' Malaysia. Itulah sebabnya Barat dan pembangkang begitu memburuk-burukkan Dr Mahathir. Kenapa kita tidak melihat, atau sengajakah kita tidak mahu melihat, Dr Mahathirlah benteng terakhir bangsa Melayu dari menuju kemusnahan?

Apabila saya memuji Dr Mahathir sedemikian rupa, pasti ada yang mengatakan saya taksub terhadap Dr Mahathir. Tetapi yang menghairankan, begitu ramai yang taksub dengan Nik Aziz tetapi nampaknya tidak menjadi masalah pula, sedangkan sumbangan Nik Aziz kepada bangsa Melayu dan negara jika dibandingkan dengan sumbangan Dr Mahathir jauhnya adalah umpama langit dengan bumi.

Melayu hendaklah segera sedar memburuk-burukkan pemimpin negara yang terdiri daripada bangsa Melayu merugikan kita sendiri. Perbuatan itu akan memberikan gambaran kepada dunia semua pemimpin Melayu yang memimpin negara ini berperangai tidak baik, tidak berkaliber, korap dan sebagainya. Kalau inilah yang berterusan berlaku, bagaimanakah kita mahu dihormati oleh bangsa lain di dunia ini?

Melayu hendaklah segera sedar kita semua menganut agama Islam, sedangkan Islam menggalakkan kecemerlangan dalam semua segi dari umatnya. Sesetengah perbuatan parti pembangkang, bukan saja tidak Islamik, malah memalukan agama Islam kita yang suci. Kenapa kita harus mencemarkan agama kita sendiri di mata dunia?

Melayu hendaklah segera sedar kita masih lagi tertinggal di belakang dalam hampir semua bidang kehidupan jika dibandingkan dengan bangsa lain. Apa yang kita capai dan miliki setakat ini adalah masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan pencapaian bangsa lain.

Oleh itu, kita orang Melayu janganlah terlalu cepat sombong dan bongkak sehingga terus mahu meninggalkan kerajaan dan Umno semata-mata kerana hari ini tahap pendidikan kita sudah lebih tinggi dari dahulu, tahap ekonomi kita sudah lebih kukuh dari dahulu dan mutu kehidupan kita sudah lebih baik dari dahulu.

(END)